

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada MASMED kerana telah melaksanakan pelbagai program yang bermanfaat kepada pelajar, staf UiTM dan komuniti. Saya juga mengucapkan tahniah kepada MASMED dan semua pihak yang terlibat kerana berjaya menerbitkan Buku Keusahawanan ini.

Buku Keushawanan ini adalah hasil kesatuan minda pelbagai pihak di dalam memacu UiTM menuju ke arah pembentukan universiti bertaraf keusahawanan berasaskan Dasar Keusahawanan Negara 2030. Ia bukan hanya membawa UiTM ke arah strategi keusahawanan yang mantap, malah memupuk budaya keusahawanan dimensi baharu yang mengutamakan pendidikan keusahawanan. MASMED memainkan peranan yang penting dalam merialisasikan pembangunan keusahawanan secara menyeluruh dalam kalangan staf dan pelajar. Keiayaan universiti ke peringkat yang lebih tinggi hanya dapat dicapai melalui kerjasama daripada semua pemegang taruh.

Saya yakin, MASMED akan memacu perkembangan tadbir urus keusahawanan selari dengan pendidikan semasa dan pembaharuan pendidikan tinggi, sebagaimana yang dihasratkan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia. Semoga UiTM dapat terus melibatkan komuniti setempat dan masyarakat umum melalui pendidikan berkualiti, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan cekap, di samping mengurangkan ketidaksamarataan. Seterusnya, aspirasi keusahawanan ini dapat direalisasikan dan mampu memberikan impak yang lebih besar kepada Universiti.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam penerbitan Buku Keushawanan ini.

Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Naib Canselor UiTM

